


KATA BANTU



Nota Ringkas

- 1 Kata bantu merupakan kata yang bertugas untuk memberikan makna tambahan dari aspek waktu dan ragam.
- 2 Kata bantu hadir di hadapan frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.



Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan kata bantu yang sesuai.

1. Elina _____ bertolak ke Melaka awal pagi tadi.
2. Kita _____ berfikir masak-masak sebelum membuat keputusan.
3. Cikgu Azhar _____ bersarapan kerana sibuk dengan latihan olahraga.
4. Buku komik yang _____ dibeli oleh adik _____ habis dijual.
5. Walaupun _____ kelihatan sihat, Pak Omar _____ belum
mampu berjalan lagi.

Tandakan V atau X bagi penggunaan kata bantu dalam ayat-ayat di bawah.

1.	Kami masih tercari-cari jam yang tercicir di sana.	
2.	Hasmah dapat mengikuti lawatan sambal belajar jika mendapat kebenaran daripada ayahnya.	
3.	Keropok lekor sudah habis dijual oleh abang.	
4.	Pondok buruk di hujung kampung itu masih teguh lagi.	
5.	Intan belum akan menyiapkan tugas yang diberi oleh Cikgu Aliza.	

Isi tempat kosong dengan kata bantu yang betul.

akan	mahu	masih	belum
dapat	boleh	Pernah	telah

1. Seluar di ampaiian _____ kering kerana cuaca panas terik.
2. "Kamu _____ ke rumah Shila setelah mengemas bilik ini," kata ibu.
3. Haji Kamarul _____ berangkat ke Madinah pagi esok.
4. Encik Daniel _____ menetap di Kanada.
5. Azmi _____ kecil semasa dia diambil oleh keluarga angkatnya.
6. Eswaran _____ mandi kerana asyik menonton cerita.
7. Hamidun _____ menjadi juara dalam pertandingan pantun dua tahun lepas.
8. Haji Tahir sudah _____ berdiri tanpa bantuan tongkat.